

25 APR 1998

Burkina Faso-tanah

BURKINA FASO TAWAR TANAH UNTUK TANAMAN KELAPA SAWIT

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Burkina Faso menawarkan tanah untuk tanaman kelapa sawit dan galakan lain kepada ahli perniagaan Malaysia supaya melabur di sana, kata President negara itu, Blaise Compaore.

Bercakap pada sidang media sebelum berlepas pulang setelah melakukan lawatan negara lima hari ke sini, Compaore mempelawa usahawan Malaysia untuk melabur dalam industri tekstil dan ternakan di negara itu.

Katanya kapas merupakan komoditi utama di Burkina Faso dan 95 peratus daripada keluarannya dieskport.

Compaore melahirkan harapan Burkina Faso untuk mengembangkan perdagangan langsung dengan Malaysia memandangkan kini sebahagian besar perdagangan dilakukan menerusi pihak ketiga.

"Malaysia perlu menghantar para peniagaanya supaya merebut peluang-peluang di Burkina Faso," kata Compaore yang mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Khamis.

Kedua-dua pemimpin menyaksikan upacara menandatangani perjanjian jaminan perdagangan dan pelaburan untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara.

Compaore berkata antara galakan yang disediakan ialah pengurangan atau pengecualian cukai dan penghantaran pulang keuntungan.

Dagangan Malaysia dan Burkina Faso tahun lepas bernilai RM22.21 juta.

Compaore juga berkata beliau mempunyai keyakinan Malaysia boleh mengatasi kegawatan ekonomi sekarang dan akan muncul lebih gagah selepas kemelut itu.

-- BERNAMA

RAZ oba